



**KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

TEKS UCAPAN:

**YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI
DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

SEMPENA:

**MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADAN
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH (KEDA)**

TARIKH/ MASA:

**24 MAC 2024 (AHAD) / 13 RAMADAN 1445H
6.00 PETANG**

TEMPAT:

**MASJID AL-FALAH, SUNGAI TIANG, PENDANG,
KEDAH DARUL AMAN**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI)

MUKADDIMAH

1. Dengan penuh kegembiraan dan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kita telah berjaya mengharungi hampir ke pertengahan bulan Ramadan 1445H, bulan yang penuh berkah, bulan yang penuh hidayah dan keampunan, serta bulan yang menjadi tonggak kekuatan spiritual umat Islam di seluruh dunia.
2. Sesungguhnya, majlis ini amat bermakna bagi memmanifestasi kegigihan kita dalam menyantuni dan menunjukkan kepedulian kepada golongan yang kurang bernasib baik selaras dengan terapan nilai ihsan bagi menjayakan agenda Malaysia Madani.
3. Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) sebuah agensi di bawah

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) di atas kejayaan menganjurkan Majlis Santunan Kasih Ramadan pada petang ini.

4. Terima kasih juga kepada rakyat Negeri Kedah terutama penduduk daerah Pendang atas kesudian menerima kunjungan saya serta delegasi dari KKDW ke majlis ini. Lebih bermakna apabila tuan-tuan dan puan-puan sudi meluangkan masa untuk berbuka puasa bersama-sama kami di sini.

MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADHAN 1445H

Hadirin Sekalian

5. Sedar tidak sedar, hari ini merupakan hari ketiga belas kita berpuasa. Sekejap sahaja masa berlalu. Saya tahu, sebahagian rakyat Kedah merasakan aktiviti berpuasa kali ini sedikit mencabar, memandangkan belakunya fenomena cuaca panas di Kedah yang mencecah 35 darjah celcius sehingga 37 darjah celcius.
6. Walau bagaimanapun, saya yakin ianya tidak akan sekali-kali mematahkan semangat tuan-tuan dan puan-puan semua untuk melaksanakan aktiviti kehidupan seperti biasa

disamping istiqomah bagi menyempurnakan ibadah berpuasa sepanjang bulan Ramadan ini. Insya-Allah.

7. Bercerita mengenai Majlis Santunan Kasih Ramadan pada hari ini, ianya dianjurkan dengan objektif utama untuk menyantuni penduduk desa serta mereka yang kurang bernasib baik seperti anak yatim dan asnaf. Pada majlis ini kita berpeluang kumpul beramai-ramai untuk menikmati juadah berbuka puasa yang sudah menjadi tradisi turun temurun dan semakin mendapat tempat dalam masyarakat sekarang.
8. Sebab tu kalau kita lihat jualan Bufet Ramadan dari hotel mahupun restoran sangat banyak dan laku keras sehingga *full house*. Ada yang lebih *simple*, keraian kecil seperti *potluck* turut dirancang di kawasan lapang seperti dataran dan padang awam.
9. Iftar Jamaie ini satu perkara yang sangat baik untuk dibudayakan namun yang merisaukan saya adalah amalan penyediaan juadah berbuka yang berlebihan sehingga terjadinya pembaziran.
10. Apatah lagi, baru-baru ni Persatuan Pengguna Pulau Pinang mengeluarkan kenyataan bahawa, dianggarkan sebanyak

90,000 tan makanan dibuang ke dalam tong sampah di seluruh negara sepanjang Ramadan tahun lalu. Pembaziran makanan pula meningkat antara 15 hingga 20 peratus ketika Ramadan berbanding purata pada bulan lain.

11. Bulan Ramadan sepatutnya menjadi medan untuk kita menambah pahala, melatih diri agar tidak melakukan pembaziran, tidak berbelanja mengikut hawa nafsu serta melampaui batas.
12. Jadi, marilah kita bersama-sama menanam tekad untuk membasmi pembaziran bermula daripada diri sendiri dan keluarga, seterusnya istiqamah untuk bulan-bulan yang akan datang. **Jadikan Ramadan kali ini sebagai Ramadan Tanpa Pembaziran.**

PROGRAM PEMBANGUNAN KEDA

Hadirin Sekalian

13. Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM11.55 bilion kepada KKDW pada tahun ini bagi menjalankan fungsi dan peranan Kementerian ini sebagai peneraju kemajuan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat desa secara menyeluruh dan berkesan. Daripada peruntukan tersebut,

sebanyak RM7.44 bilion dikhususkan untuk pembangunan di mana ianya antara jumlah peruntukan pembangunan yang ketiga tertinggi pembangunan selepas Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kerja Jaya (KKR) untuk peruntukkan pembangunan.

14. Aspek pembangunan di bawah KKDW meliputi semua negeri termasuk negeri Kedah. Sudah tentu, kerajaan tidak pernah melupakan rakyat di Kedah. Disini, kita ada agensi KEDA yang ditubuhkan sejak tahun 1981 sebagai pemangkin kepada pembangunan luar bandar di negeri ini dengan berteraskan kepada *People Prosperity Strategy*.
15. Sejak penubuhannya, KEDA telah menerima peruntukan keseluruhan berjumlah RM2.311 bilion bagi mendepani pelbagai projek pembangunan. Bagi tahun ini pula, KEDA menerima RM 50.716 juta untuk pembangunan meliputi 11 projek prasarana berjumlah RM30.5 juta, 6 projek ekonomi dan pertanian berjumlah RM8.45 juta, modal insan sebanyak RM8.875 juta melibatkan 5 projek dan projek usahawan RM2.85 juta untuk 3 projek.

KOLEJ KEDA PERKASA TVET

16. Sebagai Pengerusi Majlis TVET Negara, saya bersyukur kerana KKDW antara Kementerian yang aktif dalam memperkasa bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui beberapa agensi termasuklah KEDA ini sendiri melalui Kolej KEDA yang terdapat di Sik dan kos pengajian para pelajar ditanggung oleh KEDA.

17. Saya dimaklumkan sehingga Disember 2023, seramai 8,224 orang graduan telah kebolehpasaran graduan Kolej KEDA adalah sebanyak 96.31%. Bermula Tahun 2022, Kolej KEDA giat menjalankan program Tahfiz TVET dan telah melahirkan seramai 72 orang graduan tahfiz TVET. Bagi tahun ini, Kolej KEDA menganggarkan 80 orang graduan tahfiz TVET dapat dihasilkan dengan peruntukan RM175,000.

18. Saya yakin Kolej KEDA untuk mampu menjadi salah satu pemain utama pemeraksanaan TVET di Kedah. Kenapa saya begitu yakin? Kerana Kolej KEDA turut berjaya mengekalkan penganugerahan 5 Bintang bagi Penarafan Tunggal TVET untuk kali kedua berturut-turut dari Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia.

19. Ini membuktikan bahawa Kolej KEDA mempunyai kelas tersendiri dan keunggulan dari aspek pengurusan, pembelajaran dan pengajaran latihan kemahiran serta fasiliti yang terkini dan mengikut piawaian industri. Tahniah KEDA!

PENYERAHAN GERAN HAK MILIK RUMAH

Hadirin Sekalian,

20. Saya difahamkan bahawa aktiviti penyerahan geran hak milik desa-desa KEDA telah bermula sejak tahun 2015. Objektif penyerahan ini untuk memberi hak milik persendirian lot-lot tapak rumah desa Program Penempatan Rakyat Termiskin (PPRT) KEDA kepada peserta-peserta yang menduduki rumah di desa-desa berkenaan.

21. Daripada keseluruhan 3,860 unit rumah di 44 penempatan PPRT KEDA. Sehingga kini, KEDA telah melaksanakan proses pindah milik sebanyak 1,515 unit kepada penduduk yang layak manakala baki 1,181 unit lagi akan dilaksanakan dari semasa ke semasa. Dengan peruntukan RM3 juta, KEDA menganggarkan 150 geran hak milik dapat diserahkan kepada pemiliknya.

22. Melalui penyerahan geran ini, saya berharap ianya dapat memberikan kelegaan kepada para pemilik rumah PPRT dan boleh memberikan focus yang lebih baik kepada aktiviti sosio-ekonomi baik meningkatkan taraf kehidupan daripada baik kepada yang lebih baik.

PENUTUP

Hadirin Sekalian,

23. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap pada petang ini. Justeru itu, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir serta memeriahkan majlis pada petang ini.

24. Tahniah juga diucapkan kepada KEDA serta semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Santunan Kasih Ramadhan 1445 Hijrah Peringkat KKDW di Negeri Kedah ini. Tidak lupa juga diucapkan kepada rakan-rakan media yang sudi hadir membuat liputan majlis ini.

25. Mengakhiri ucapan ini, saya mendoakan semoga yang hadir pada petang ini di Majlis Santunan Kasih Ramadhan 1445 Hijrah dilimpahi rahmat oleh Allah SWT.

Sekian,

Wabilahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.